

**LAPORAN KAJIAN CERAPAN HILAL, KECERAHAN LANGIT DAN
PEMBIASAN DI UFUK**

**TAHUN 2000 - 2006 (BAGI BULAN MAC HINGGA OKTOBER)
BERSAMAAN BULAN QAMARIAH
ZULQAEDAH 1421 HINGGA SYA'BAN 1427**

**TEMPAT
BAITULHILAL TELOK KEMANG, PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN**

KERJASAMA

ANTARA

**KUMPULAN FIZIK ANGKASA, JABATAN FIZIK
FAKULTI SAINS, UNIVERSITI MALAYA**

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)

**JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN (JMKNNS)**

DAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Kandungan

Kajian Cerapan Hilal

1 – Pengenalan	1
Konsep Asas Kalendar	
Bumi dan Penanda-penanda musim	
Kuantiti Asas	
Trigonometri Sfera	
2 – Bulan, Ijtimak dan Kenampakan Hilal	5
3 – Kalendar Berdasarkan Peredaran Bulan	7
4 – Kaedah-kaedah Menentukan Kalendar Islam	7
Kalendar Islam Secara Hisab	
Kalendar Islam Berdasarkan Rukyah	
Kalendar Islam Berdasarkan Ramalan	
Amalan Negara-negara Islam Menentukan Kalendarnya	
5 – Kriteria Kenampakan Hilal	11
6 – Mencari dan Mencerap Hilal Termuda	12
7 – Geometri Bulan-muda	12
8 – Data	14
9 – Perbincangan	17

Kajian Kecerahan Langit di Ufuk Senja dan Fajar

1 – Pengenalan	18
2 – Definasi	18
3 – Objektif kajian	19
4 – Metodologi	19
5.– Peralatan	20
5.1 Alat Pengesan Cahaya (APC)	22
6 - Kaedah cerapan	22
7 – Data cerapan dan perbincangan	23

Kajian Pembiasan Matahari di Ufuk

1 – Pengenalan	29
2 – Objektif	29
3 – Atmosfera Bumi dan Kesan Pembiasan	29
4 – Model Rambatan Cahaya	30
5 – Teknik Penceraian	32
6 – Data cerapan	32
6 – Perbincangan	41
7 – Penghargaan	51
Lampiran A	52
Lampiran B	53

KAJIAN KENAMPAKAN HILAL


1. Pengenalan

Konsep asas kalendar

Kalendar-kalendar adalah digunakan untuk menjejaki pergerakan bumi, bulan dan matahari. Pembentukan mereka adalah melalui unit hari, bulan dan tahun. Hari dihasilkan oleh putaran bumi mengelilingi paksinya; bulan terhasil disebabkan peredaran bulan mengelilingi bumi; manakala tahun dihasilkan oleh peredaran bumi mengelilingi matahari. Konsep asas kalendar akan dibincangkan di sini.


Bumi dan penanda-penanda musim

Bumi berputar dalam arah melawan jam keliling matahari membuat orbit elips di dalam satah ekliptik. Ekliptik ialah jejak yang di buat oleh bumi mengelilingi matahari di atas sfera samawi. Satah tersebut membuat sudut 23.5° dengan khatulistiwa samawi. Pada masa yang sama juga bumi berputar dalam arah melawan jam sekitar paksinya yang juga condong 23.5° merujuk kepada garisan mencancang kepada ekliptik. Kecondongan paksi dan putaran bumi mengelilingi matahari menyebabkan bumi mengalami musim sejuk, panas, bunga dan luruh. Lihat rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Menunjukkan

Garisan ekliptik menyilang khatulistiwa samawi pada dua kedudukan yang dikenali sebagai Equinoks. Solstis pula adalah titik-titik di mana khatulistiwa dan ekliptik berada pada kedudukan yang paling jauh. Equinoks dan Solstis adalah dinamakan sebagai penanda-penanda untuk musim. Gambaran keseluruhan sfera samawi adalah seperti berikut di rajah 2:



Rajah 2 : Keseluruhan sfera samawi

Equinoks Mac (21hb. Mac) adalah masa apabila matahari melintasi khatulistiwa samawi dari hemisfera selatan ke hemisfera utara. Ketika ini panjang siang dan malam adalah sama. Selepas equinoks Mac, matahari bergerak ke utara sehingga solstis Jun (22hb. Jun) di mana kedudukan matahari adalah tertinggi di utara. Ketika ini penghuni dunia yang tinggal di hemisfera utara mengalami siang paling panjang, manakala orang yang tinggal berdekatan dengan khatulistiwa mengalami siang dan malam sama panjang kerana matahari terbit dari timur dan terbenam ke barat lebih kurang sama sela masa. Matahari kemudiannya terus bergerak ke arah selatan. Apabila ia mencapai equinoks September (23hb. September) sekali lagi siang dan malam sama panjang. Hari-hari menjadi pendek ketika matahari bergerak ke selatan dan mencapai solstis Disember (22hb. Disember) di mana matahari berada pada kedudukan paling tinggi di selatan. Pada waktu ini penghuni yang tinggal di hemisfera utara alami siang paling pendek.

Perihelion (berdekatan solstis Disember) adalah titik di mana bumi paling hampir dengan matahari. Ia berlaku sekitar 4hb. Januari setiap tahun. Aphelion (berdekatan solstis Jun) adalah titik di mana bumi paling jauh daripada matahari dan berlaku sekitar 4hb. Julai.

Kuantiti Asas

Kedudukan-kedudukan relatif bulan dan matahari adalah sangat penting di dalam menentukan kenampakkan hilal. Oleh itu disini ditakrifkan beberapa kuantiti asas

Azimut relatif (ΔAz) : Ini merujuk kepada perbezaan azimut antara bulan dan matahari

Altitud bulan pada ketika matahari tempatan terbenam (Δz atau h):
Ini merujuk kepada ketinggian bulan dari ufuk tempatan

Matahari di bawah ufuk (s): Ini menunjukkan kedudukan matahari di bawah ufuk

Tempoh bulan terbenam: ialah sela masa antara matahari dan bulan Terbenam

Arka cahaya (a_L) : Di takrifkan sebagai elongasi atau jarak sudut antara matahari dan bulan


Arka pemisahan (a_S) : Ia adalah perbezaan di dalam jarak Hamal antara matahari dan bulan di dalam darjah

Trigonometri Sfera


Persamaan trigonometri sfera digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah astronomi yang berkaitan dengan sfera samawi. Di sini dijelaskan tentang persamaan kosain untuk memahami konsep-konsep asas:

Persamaan kosain untuk trigonometri sfera

$$\cos a = \cos b \cos c + \sin b \sin c \cos A$$



Sekarang lihat bagaimana arka cahaya (a_L) berhubungkait kepada persamaan kosain




Rajah 3: Sfera samawi

Rajah 3 adalah sfera samawi di mana $a = a_L$, $b = (90^\circ - Z_m)$, $c = (90^\circ - Z_s)$. Gunakan persamaan kosain

$$\begin{aligned} \cos a_L &= \cos(90^\circ - Z_m) \cos(90^\circ - Z_s) + \sin(90^\circ - Z_m) \sin(90^\circ - Z_s) \cos(\Delta Az) \\ &= \sin Z_s \sin Z_m + \cos Z_s \cos Z_m \cos(\Delta Az) \end{aligned}$$

Di mana Z_s = altitud matahari, dan Z_m = altitud bulan.

Sekarang kedudukan bulan dan matahari boleh dikaitkan dengan arka cahaya dan azimut relatifnya.




Dari rajah di atas dapat hubungan berikut:

$$\begin{aligned} \cos a_L &= \cos \Delta Z \cos \Delta Az + \sin \Delta Z \sin \Delta Az \cos 90^\circ \\ &= \cos \Delta Z \cos \Delta Az + 0 \end{aligned}$$

$$\Delta Az = \cos^{-1} (\cos a_L / \cos \Delta Z)$$

Tambahan kepada persamaan kosain, hubungan antara arka cahaya dan kelebaran hilal juga konsep yang penting.



Rajah 4. Kelebaran hilal


Di mana kelebaran di hitung dengan persamaan berikut;

$$\begin{aligned} W &= d/2 - d/2(\cos a_L) \\ &= d/2 (1 - \cos a_L) \\ &= d \sin^2 (a_L/2) \end{aligned}$$

d = diameter bulan (dalam km)

2. Bulan, ijtimak dan kenampakkan Hilal

Bulan dapat dilihat kerana ia memantulkan cahaya matahari. Ia beredar mengelilingi bumi dalam arah lawan jam dan ini membolehkan kita melihat fasa-fasa bulan yang berbeza. Pada ketika ijtimak, dimana perbezaan antara longitud matahari dan longitud bulan adalah 0° , bulan terbenam pada waktu yang sama dengan matahari terbenam. Bulan ini dikenali sebagai bulan baru. Beberapa jam selepas ijtimak berlaku barulah hilal akan muncul. Beberapa hari kemudian bulan sabit membesar dan bila bulan beredar mengelilingi bumi, bulan akan terbenam selepas matahari terbenam. Masa berlalu dan ada ketikanya bulan berada sama sebaris dengan matahari dan bumi tetapi bertentangan disebelah bumi. Bulan ini dikatakan bulan penuh. Pada waktu ini bulan terbenam ketika matahari terbit dan terbit ketika matahari terbenam. Bulan berterusan beredar mengelilingi bumi sehingga bulan baru berlaku semula dan kitaran itu berulang. Tempoh masa antara bulan baru ke bulan baru yang seterusnya dikenali sebagai lunasi dan berubah antara 29.27 dan 29.84 hari.



Rajah 5

Ijtimak boleh berlaku apabila bulan berada di hadapan matahari pada ketika bulan baru atau sejauh 5° selagi longitud samawi bulan dan matahari adalah sama. Pada latitud-latitud tinggi matahari terbenam pada sudut yang lebih kecil pada ufuk jika dibandingkan pada berdekatan khatulistiwa. Oleh kerana bulan beredar berhampiran ekliptik (0° hingga 5°) ia juga berkelakuan sama seperti matahari dan terbenam membuat sudut kecil dengan ufuk. Berhampiran khatulistiwa, matahari terbenam hampir mencancang kepada ufuk. Bulan juga terbenam hampir mencancang kepada ufuk.

3. Kalendar Berdasarkan Peredaran Bulan

Kalendar ini bertujuan untuk memastikan bahawa ijtimak, kenampakkan hilal atau bulan penuh menentukan permulaan suatu bulan. Unit asas kalendar ini ialah bulan. Kalendar-kalendar ini mengikut kitaran fasa bulan dan mengabaikan pergerakan matahari, oleh itu tahun kalendar ini tidak mengikut musim-musim. Kalendar yang betul-betul mengikut bulan semata-mata ialah kalendar Islam. Satu tahun untuk kalendar ini mengandungi 12 bulan dengan setiap bulan bermula apabila kenampakkan hilal (kalendar islam berdasarkan kenampakkan hilal dan bukan berlakunya ijtimak). Oleh kerana kalendar Islam tidak berkaitan dengan tahun tropika, hari-hari Islam akan beranjak 11 hari ke belakang setiap tahun. Ini adalah kerana setiap bulan Islam mengandungi 29.5 hari secara purata. Maka terdapat $12 \times 29.5 =$

354 hari iaitu 12 bulan Islam per tahun. Jika di bandingkan dengan hari dalam tahun Gregorian (365 hari) maka terdapat perbezaan 11 hari merujuk kepada tahun suria.

Setiap tahun mengandungi 12 bulan Islam tanpa bulan lompat dan nama-nama bulan tersebut ialah

- | | |
|-----------------|---------------|
| 1. Muharram, | 7. Rejab |
| 2. Safar | 8. Sya'aban |
| 3. Rabi'ulawal | 9. Ramadhan |
| 4. Rabi'ulakhir | 10. Syawal |
| 5. Jamadilawal | 11. Zulkaedah |
| 6. Jamadilakhir | 12. Zulhijjah |

Untuk kalendar Islam, terdapat 7 hari dalam seminggu, dengan setiap hari bermula ketika matahari terbenam. Hari pertama bermula ketika matahari terbenam pada hari Sabtu dan berakhir ketika matahari terbenam pada hari Ahad. Hari kelima ialah hari Juma'at iaitu hari yang mulia untuk umat Islam bersembahyang Juma'at.

Menentukan hari pertama bagi setiap bulan Islam adalah sangat penting kerana ia akan menetapkan bila hari-hari kebesaran Islam akan di sambut, contoh menentukan permulaan puasa bulan Ramadhan, Hari raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Oleh itu banyak kaedah telah di terima pakai untuk menentukan hari pertama setiap bulan Islam.

4. Kaedah-kaedah menentukan Kalendar Islam

Sejarah kalendar Islam bermula dari kurun ke-7 sesudah masihi apabila Nabi Muhammad s.a.w mengumumkan penggunaan kalendar Islam. Tetapi sebelum Nabi Muhammad s.a.w. wafat (era pra-Islam: AD 570 – 632), bangsa Arab menggunakan kalendar lunisuria. Ini disebabkan mereka dapati bahawa kalendar bulan tidak seiring dengan musim-musim dan ini mengakibatkan beberapa kesulitan. Apabila mereka pergi untuk menunaikan haji ke Mekah pada bulan 12 kalendar berdasarkan bulan, mereka membawa bersama-sama binatang ternakan untuk dikorbankan. Bagaimana pun oleh kerana kalendar bulan tidak seiring dengan musim-musim, orang Arab dapati sukar untuk mendapat bekalan makanan (tanaman tidak dapat dipetik) untuk perjalanan mengerjakan haji sama juga kesulitan untuk mendapatkan binatang ternakan untuk dikorbankan. Oleh itu mereka telah selitkan bulan ke tiga belas secara berkala untuk memastikan bulan ke dua belas berada pda waktu musim gugur. Bila penambahan bulan ketiga belas ini perlu dilakukan, ia ditentukan oleh pegawai-pegawai kalendar (Nasa'a) dari puak Kinana, tetapi secara tepat bila ia dilaksanakan tidak diketahui.

Sebelum Nabi Muhammad s.a.w wafat pada tahun AD 632 beliau telah mengumumkan supaya umat Islam wajib menggunakan kalendar berdasarkan peredaran bulan keliling bumi sahaja. Hanya pada tahun AD 642 apabila khalifah Umar Al-Khatib telah memulakan penggunaan kalendar tersebut dengan mengambil tarikh 16 Julai 622 sebagai era permulaan kalendar Islam. Era ini dikenali sebagai era Hijrah (AH), dimana 622 dipilih untuk mengingati peristiwa Hijrah, iaitu Nabi Muhammad s.a.w. berpindah dari Mekah ke Madinah (Ad 622 = AH 1). Bagaimana pun tarikh ini bukanlah tarikh sebenar ketibaan di Madinah, mungkin kedua-dua tarikh ini berdekatan antara satu sama lain.

Kalendar Islam secara hisab


Kalendar ini dibina berdasarkan pengiraan matematik untuk membuat ramalan kasar kenampakkan hilal, di mana bilangan hari di dalam satu bulan di selang-seli antara 29 dan 30. Setiap tahun bulan mengandungi 354 hari (355 dalam tahun lompat). Setiap tahun lompat satu hari tambahan dimasukkan pada bulan ke dua belas supaya kalendar tersebut seiring dengan fasa-fasa bulan sebenar.

Tahun lompat adalah tahun yang mengikut unjuran berikut: bilangan mod tahun 30 ialah satu dari berikut: 2, 5, 7, 10, 13, 16, 18, 21, 24, 26, atau 29. Untuk tahun bulan 1 hingga 30 tahun jumlah bilangan hari di dalam sistem 30 tahun Islam = $(354 \times 30 + 11) = 10631$; bahagikan dengan 360 (30 tahun dengan 12 bulan), kita dapat purata lunasi bulan ialah 29.53 hari.

Sekarang, apabila kita pertimbangkan untuk membina kalendar Islam, kita perlu pertimbangkan dua syarat. Pertama, min lunasi (=29.53 hari) bukan nombor bulat, tetapi perlu memberi nombor integral hari pada setiap bulan kalendar. Untuk aspek ini kalendar hisab telah memberikan penghampiran yang baik seperti yang dikira di atas. Bagaimana pun syarat kedua yang perlu ditimbang ialah perubahan terhadap lunasi. Perubahan ini berjangka antara 29.27 dan 29.84 hari. Ini bermakna jika kita terimpakai sistem hisab ini, kemungkinan bahawa bulan baru akan terjadi sehari sebelum atau selepas tarikh-tarikh selang-seli yang dicadangkan. Maka aspek ini membuatkan kalendar Islam secara hisab tidak boleh diterima langsung. Disebabkan ini juga tiada masyarakat Islam yang menggunakan sistem tetap ini.

Hukum kedua Kepler menyatakan bahawa garis jejarian menyapu luas yang sama ($A_1 = A_2$) dalam masa yang sama ($t_2 - t_1 = t_4 - t_3$); dan oleh kerana bumi adalah hampir dengan matahari (ketika hampir solstis sejuk), ini diikuti bahawa $d_1 > d_2$. Hasilnya, bumi bergerak pada kelajuan yang cepat ($s_1 > s_2$). Bulan pula beredar keliling bumi, bulan terpaksa mengambil masa yang lebih lama untuk “menjadi seiring” dengan pergerakan bumi yang cepat keliling matahari, iaitu lunasi akan menjadi panjang.

Sebaliknya, pada aphelion (dekat dengan solstis panas), oleh kerana bumi berada jauh dari matahari di mana tarikan graviti kurang, bumi bergerak keliling matahari pada kelajuan yang lambat. Manakala bulan bergerak keliling bumi memerlukan masa yang singkat untuk “menjadi seiring” dengan pergerakan bumi, iaitu lunasi lebih pendek (lihat rajah 6).



Rajah 6.

Maka, masa untuk bulan baru berlaku bergantung ke atas bila tempoh tahun dan tidak boleh berdasarkan pada bilangan nombor yang ditetapkan setiap bulan.

Kalendar Islam berdasarkan rukyah

Secara tradisi, hari pertama bagi setiap bulan Islam ditentukan berdasarkan kenampakkan hilal. Merukyah hilal adalah amat penting bagi masyarakat Islam. Bagaimana pun, terdapat banyak faktor-faktor yang mempengaruhi kenampakkan iaitu faktor astronomi/falak dan faktor bukan astronomi/falak antaranya ialah;

Faktor-faktor astronomi :

Tempoh waktu terbenam bulan selepas matahari terbenam lama
Bulan terlalu muda
Altitud bulan yang rendah ketika matahari terbenam
Kelebaran hilal
Elongasi/relatif azimut bulan ke matahari
Latitud dan longitud pemerhati.

Faktor-faktor bukan astronomi :

Keadaan cuaca yang tidak baik
Pencemaran atmosfera
Kelembapan udara
Ketinggian tempat cerapan
Fizikal dan psikologi pemerhati.

Penentuan hari pertama dalam setiap bulan Islam ditentukan dengan kewujudan hilal di atas ufuk.

Kalendar Islam berdasarkan ramalan

Kalendar ini berdasarkan teori dan data astronomi semata-mata. Harapan supaya hari-hari kebesaran boleh dirayakan bersama pada hari yang sama seluruh negara atau masyarakat Islam, ramalan bila hilal boleh di lihat. Bagaimana pun bukan mudah untuk meramal kalendar atau menukar dari satu jenis ke satu jenis yang lain. Kriteria yang berbeza sedang di bangunkan beberapa tahun kebelakangan ini untuk menentukan permulaan bagi setiap bulan Islam sepanjang tahun dengan kejituan yang tinggi. Pembangunan kriteria-kriteria kenampakkan hilal telah bermula semenjak zaman Babylonian sehingga kini.

Amalan Negara-Negara Islam menentukan Kalendarnya

Secara tradisi semua negara Islam di dunia ini menentukan permulaan awal bulan Islam dengan melihat secara mata kasar sama ada hilal kelihatan di ufuk negara mereka. Sekarang ini dengan kemajuan sains dan teknologi peralatan seperti teodilit, binokular dan teleskop digunakan oleh kebanyakan negara Islam untuk merukyah hilal. Bagaimana pun kebanyakan negara Islam di dunia masih menggunakan salah satu dari lima kaedah ini untuk menentukan awal bulan Islam iaitu:

1. Merukyah hilal dengan mata kasar atau bantuan peralatan optik seperti teodilit, binokular atau teleskop.
2. Menggunakan hisab dengan kriteria astronomi tertentu semata-mata.
3. Merukyah hilal dan hisab, ini bermakna menggunakan perkiraan tentang kedudukan bulan dan matahari dengan jitu dan kemudian menggunakan peralatan seperti teodilit, binokular dan teleskop untuk merukyah hilal sama ada berada di kedudukan yang telah dihisab di ufuk negeri masing-masing. Kaedah ini adalah lebih dipercayai dan di terima oleh ramai ahli sains.
4. Mengikut peristiharan negara yang berhampiran dengan negeri mereka dan
5. Tidak mengikut mana-mana negara di dunia hanya berdasarkan keputusan negeri itu sahaja.

5. Kriteria Kenampakkan Hilal

Walaupun kita boleh menghitung kedudukan bulan di langit dengan kejituan yang tinggi seperti berlakunya gerhana matahari dan bulan, tetapi ia adalah agak sukar untuk meramalkan sama ada hilal boleh dilihat dari suatu lokasi tertentu disebabkan faktor-faktor yang mempengaruhi kenampakkan.

Kenampakkan hilal adalah masalah yang sangat sukar kerana ia melibatkan penghitungan orbit-orbit bulan dan matahari, altitud, azimut bulan dan matahari, serakan atmosfera dan fisiologi penglihatan. Bagaimana pun permulaan pembangunan kriteria ramalan kenampakkan hilal secara saintifik telah dimulakan oleh J.K. Fotheringham dengan menggunakan data cerapan yang diperolehi dari Athen yang dilakukan oleh J. Schmidt dari 1859 hingga 1880 pada tahun 1910. E.W. Maunder pula melanjutkan kajian di atas pada tahun 1911. Ini diikuti oleh F. Bruin dalam tahun 1977. D. McNally dalam tahun 1983 tentang panjang hilal. Mohammad Ilyas perbaiki pula kriteria itu pada tahun 1981, 1984 & 1988. L.E. Doggert, P.K. Seidelmann dan B.E. Schaefer pada tahun 1988 menerangkan model secara matematik. B.E. Schaefer kemudian melanjutkan penjelasan tentang kenampakkan hilal pada tahun 1990 dan 1991.

Negara kita Malaysia menerima pakai kaedah ketiga iaitu merukyah hilal dan hisab. Kriteria kenampakkan hilal yang kita gunakan buat masa ini ialah:

- a. Ketinggian hilal dari ufuk $> 2^\circ$ ketika terbenam matahari.
- b. Elongasi bulan-matahari $> 3^\circ$ ketika terbenam matahari atau umur hilal > 8 jam

Kriteria ini diterima pakai oleh semua negara anggota Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS).

6. MENCARI DAN MENCERAP HILAL YANG PALING MUDA

Apabila kita hendak mencari dan mencerap hilal yang paling muda di sebelah petang ketika waktu Maghrib kita tidak lagi persoal ia boleh dilihat secara tidak sengaja tetapi lebih kepada bagaimana persiapan kita yang rapi dan juga keadaan astronomi yang membolehkan kita melihat hilal. Faktor yang perlu kita beri perhatian/meneroka di dalam mencerap hilal ialah faktor-faktor astronomi yang mempengaruhi kebolehnampakkan hilal di mana memungkinkan kita memperbaharui rekod kebolehnampakkan hilal paling muda. Bulan baru muncul ketika longitudnya (sepanjang ekliptik) menyamai longitud Matahari. Selepas 16 jam ke 24 jam kemudian, jika Matahari baru sahaja terbenam pada lokasi kita, anda mungkin berpeluang melihat sabit nipis berhampiran ufuk di sebelah barat.

Beberapa maklumat tentang kebolehnampakkan hilal paling muda di seluruh dunia yang telah direkodkan adalah seperti di jadual 1.

Jadual 1

Kenampakan hilal paling muda di beberapa tempat cerapan								
Tarikh	Umur hilal	Elong.	Pencerap	Alatan	Tempat	Lat.	Long.	Ketinggian
1989 May 5	13 ⁿ 28 ^m	8.3°	Robert C. Victor	B	East Lansing, MI	42.7°N	84.5°W	270 m
1989 May 5	13 ⁿ 40 ^m	8.4°	Terry Hunefeld	10T	Fisk Knob, MI	43.3°N	85.6°W	320 m
1989 May 5	13 ⁿ 47 ^m	8.5°	Don Pearce	B	Lake Travis, TX	30.3°N	97.9°W	180 m
1990 May 24	13 ⁿ 04 ^m	7.9°	Clint Bach	12T	Collins Gap, TN	35.7°N	83.5°W	1,700 m
1990 May 24	15 ⁿ 32 ^m	9.1°	S.J.O'Meara	N	Mount Wilson Obs.	34.2°N	118.1°W	1,740 m
1996 Jan. 20	12 ⁿ 07 ^m	7.7°	James Stamm	8T	Tucson, AZ	32.3°N	111.0°W	730 m
1996 Jan. 20	12 ⁿ 33 ^m	7.9°	Pierre Schwaar	10T	Sentinel, AZ	32.8°N	113.3°W	100 m
1996 Jan. 20	12 ⁿ 50 ^m	8.0°	Dana Patchick	B	Mount Wilson Obs.	34.2°N	118.1°W	1,740 m
2001 Aug. 19	12 ⁿ + 15 ^m	7.6°	H.-R.G. Yazdi	GB	Lāleh Zār Mnt., Iran	29.5°N	56.8°E	2,700 m
2002 Sept. 7	11 ⁿ 40 ^m	8.8°	M.G. Mirsaeed	GB	Rask Bala, Iran	35.0°N	50.8°E	2,110 m
2003 Aug. 27	15 ⁿ 40 ^m	8.8°	M.G. Mirsaeed	B	SW of Tehran, Iran	35.0°N	50.8°E	950 m
Nota : N – mata kasar , B – binocular , GB – binocular bukaan besar (> 100 mm) , T – teleskop/diameter (inci)								

7. GEOMETRI BULAN- MUDA

Pada pagi Ogos 13, 1931, ahli Astronomi Perancis Andre Danjon telah memerhatikan bulan sabit tua berumur hanya 16 jam 12 minit sebelum bulan baru lahir dengan teleskop pembias 3 inci. Beliau terkejut kerana bulan sabit tersebut memanjang hanya 75° ke 80° sepanjang “limb” bulan itu iaitu lebih pendek dari yang dijangkakan sepatutnya 180° (separuh dari bulatan). Apabila Danjon mula menyemak dengan data dari pemerhati-pemerhati lain beliau dapati kesan kekurangan panjang itu sangat ketara maka beliau membuat kesimpulan: Apabila

Bulan berada pada jarak 7° atau kurang dari Matahari maka hilal tidak akan kelihatan langsung.

Danjon percaya bahawa gunung-ganang dan permukaan yang kasar sepanjang “limb” bulan mesti menghalang sedikit cahaya Matahari yang menyinari permukaan bulan yang sepatutnya kita boleh lihat. Oleh itu memendekkan panjang sabit tersebut. Bradley E. Schaefer telah memodelkan panjang bulan sabit tersebut dengan memasukkan faktor-faktor fisiologi dan pemupusan atmosfera. Oleh itu had Danjon telah di semak semula dari 7° kepada 7.5° , mengikut kajian yang dijalankan oleh Louay J. Fatoohi dan rakan-rakan dari Universiti Durham, England, mereka telah menyemak lebih dari beratus-ratus data cerapan hilal (positif dan negatif), termasuk data dari 2500 tahun dahulu pada tamaddun Babylon. Maka cerapan baru yang dihasilkan dari Iran menunjukkan berapa hampirnya kepada 7.5° had sebenar yang mungkin.

Apa yang menarik di sini ialah sukar dan had Danjon yang cepat 7.5° masih memberikan kita kemungkinan untuk memecahkan rekod juga ada sedikit kelonggaran. Had Danjon ini seterusnya telah dikaji oleh M. SH. Odeh, 2004, di mana beliau memperkenalkan kriteria baru yang berdasarkan dua pembolehubah iaitu sudut penglihatan toposentrik dan lebar hilal toposentrik. Kajian beliau terhadap 737 data cerapan daripada ICOP telah mendapati bahawa had Danjon adalah 6.4° . Empat faktor yang lain memainkan peranan penting di dalam menentukan hilal paling muda boleh di lihat ialah:

- Bulan mesti berada pada perigee (titik paling hampir pada orbit elips keliling bumi), di mana membolehkan ia bergerak cepat menjauhi Matahari dan segera mencapai elongasi 7.5° iaitu umur hilal paling muda.
- Bulan patut berada hampir dengan latitud ekliptiknya paling besar, $+5.5^{\circ}$ atau -5.5° , ini dapat menambahkan lagi sudut elongasinya pada umur yang diberi.
- Bulan yang hampir menjadi bulan baru adalah berkemungkinan dapat dilihat di bumi dimana ia mempunyai azimuth yang hampir sama dengan Matahari yang sedang terbenam (atau terbit), kerana ketika itu bulan berada pada ketinggian maksimum di atas ufuk pemerhati.
- Pemerhati yang ingin memecahkan rekod kebolehnampakkan hilal perlu pergi ke tempat yang paling tinggi di bumi iaitu ketinggian dari paras laut ke kawasan paling tinggi yang mungkin kerana tempat begini mempunyai keadaan langit yang kurang jerebu dan langit yang lebih gelap.

Begitulah betapa sukarnya untuk mencerap hilal yang paling muda. Namun begitu usaha mencerap perlu diteruskan supaya kita mempunyai data yang mencukupi untuk menyemak kriteria Imkanur rukyah kita. Ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi kriteria kita.

8. Data

Jadual 2

Data Kenampakan Hilal 2006 (Muharram-Syabaan 1427)

Tempat : Baitul Hilal, Teluk Kemang, Negeri Sembilan.


Longitud : 101° 51' Timur

Latitud : 2° 27' Utara


Tekanan : 1005Pa

Peralatan yang digunakan : Teleskop Meade LX200 -12"


Tarikh Masihi /2006	Tarikh Hijrah	Kenampakan hilal	Kedudukan hilal		Umur /Jam	Masa /pm	Suhu & Kelembapan	Matahari terbenam /pm	Bulan terbenam/ pm
			Altitud	Azimut					
30 Jan	30 Zulhijjah	Ya	07° 13'	252° 23'	21.48	19 : 44	29.2° C 75 %	19 : 26	20 : 19
28 Feb	29 Muharram	Tidak	-	-	-	-	-	19 : 27	19 : 51
01 Mar	01 Safar	Ya	17° 12'	89° 25'	34.93	19 : 27	30° C 65 %	19 : 27	20 : 43
30 Mar	01 R'awwal	Tidak	-	-	-	-	-	19 : 21	20 : 11
28 Apr	29 R' Akhir	Tidak	-	-	-	-	-	19 : 16	19 : 44
29 Apr	01 R' Akhir	Ya	14° 44'	114° 40'	39.55	19 : 21	29 ° C 66 %	19 : 16	20 : 41
28 Mei	01 J' Awwal	Ya	01° 03'	298° 12'	30.85	20 : 16	- 77 %	19 : 17	20 : 23
26 Jun	01 J' Akhir	Ya	04° 35'	297° 21'	19.06	19 : 41	29.7° C 70 %	19 : 23	20 : 06
25 Julai	29 J' Akhir	Tidak	-	-	-	-	-	19 : 26	19 : 41
24 Ogos	30 Rejab	Tidak	-	-	-	-	-	19 : 20	19 : 47
22 Sept	29 Sya'ban	Tidak	-	-	-	-	-	19 : 09	19 : 03
21 Nop	29 Syawal	Tidak	-	-	-	-	-	18 : 59	20 : 10
22 Nop	01 Zulqaedah	Ya	08° 27'	241° 19'	38.06	19 : 20	25.8° C -	18 : 59	20 : 10
20 Dis	29 Zulqaedah	Tidak	-	-	-	-	-	19 : 10	18 : 57



Graf1 – Altitud hilal terhadap umur hilal



Graf2 – Altitud hilal terhadap ΔAz



Graf3 – Altitud hilal terhadap elongasi, a_L

9. Perbincangan

Kajian cerapan hilal yang bermula dari bulan Mac 2000 hingga Oktober 2000, bulan Mac 2001 hingga Oktober 2001, bulan Mac 2002 hingga Oktober 2002, bulan Mac 2003 hingga Oktober 2003, Februari 2004 hingga Disember 2004, 9 Februari hingga 31 Disember 2005 dan Januari 2006 hingga Disember 2006 di tapak Baitul Hilal Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan boleh menjelaskan fenomena merukyah hilal. Sepanjang 2000 hingga 2006 terdapat 97 cerapan hilal telah dijalankan. 26 cerapan berjaya merekodkan kenampakan hilal (rujuk jadual 3) dengan mempertimbangkan umur hilal maksima kurang dari 40 jam. Iaitu bagi bulan-bulan Qamariah yang berakhir dengan 29 hari kita telah dapat melihat sebanyak 4 kali sahaja daripada keseluruhan 26 cerapan yang berjaya iaitu pada 29 Rabiulawal 1421, 29 Rejab 1422, 29 Jamadilakhir 1423 dan 29 Jamadilawal 1426.

Jadual 3 menunjukkan nilai yang direkodkan pada hari ke 29, 30 dan 1 haribulan dengan mengambil kira umur anak bulan iaitu di bawah 40 jam sahaja. Dari jadual tersebut didapati umur termuda yang direkodkan ialah anak bulan pada tahun 2001 iaitu 15.74 jam, $a_L = 8.87$ darjah, Lag ~37 minit, Suhu yang dicatatkan ketika itu ialah 28°C . Beberapa foto hilal telah berjaya dirakamkan menggunakan kamera SLR dan juga kamera digital. (rujuk lampiran A bagi foto-foto hilal). Suhu yang dicatatkan bagi kenampakkan hilal adalah dalam julat 25°C hingga 33°C dan kelembapan dalam julat 60% hingga 84%. Bagi tahun 2005 ini tiada anak bulan yang direkodkan kelihatan pada 29 haribulan. Ini banyak disebabkan faktor cuaca yang tidak menentu dan jerebu yang agak teruk diufuk Barat. Graf 1 hingga 3 adalah analisa data-data hilal dan lain-lain data sokongan seperti yang ditaburkan dalam jadual 3.

Pengukuhan kriteria Imkanur Rukyah yang diguna pakai di Malaysia memerlukan lebih banyak lagi data terutamanya data kenampakan hilal pada hari ke 29 hijrah yang direkodkan sama ada menggunakan teleskop atau teodolit. Data-data ini tidaklah hanya terhad pada lokasi Teluk Kemang sahaja malah data dari lokasi-lokasi lain di Malaysia juga boleh menyumbang bagi memperbanyakkan data. Oleh itu kerjasama dengan jabatan-jabatan mufti lain adalah sangat dialu-alukan.

Kajian Kecerahan Langit di Ufuk Senja dan Fajar

1. Pengenalan

Solat merupakan tanggungjawab kepada Allah yang wajib dijalankan bagi setiap umat Islam mengikut waktu yang telah ditentukan olehNya. Bagi melaksanakan tanggungjawab itu maka penting bagi orang-orang Islam mengetahui masa bermula dan berakhirnya bagi waktu-waktu tersebut. Waktu zuhur, asar dan maghrib boleh ditentukan dengan mudah berpandukan kedudukan matahari dan bayang yang boleh dilihat dengan jelas. Walau bagaimanapun masalah timbul dalam menentukan bermulanya waktu isya' dan subuh kerana ia melibatkan kaedah mendefinisikan waktu senja dan fajar yang mana matahari berada di bawah ufuk ketika itu.

2. Definisi

'*Twilight*' adalah perkataan Inggeris secara literalnya bermaksud 'cahaya antara dua' iaitu antara malam dan siang atau antara malam dan siang. Di dalam bahasa Melayu ianya disebut remang¹ iaitu keadaan samar masa selepas matahari terbenam dan masa sebelum matahari terbit apabila cahaya matahari yang terserak di bahagian atas atmosfera menyinari bahagian bawah atmosfera dan permukaan bumi. Kecerahan langit yang beransur-ansur gelap apabila matahari terbenam dinamakan senja dan keadaan langit yang beransur-ansur terang apabila matahari mulai terbit dinamakan fajar. Di dalam bahasa Arab disebut '*ash-shafaq*'.

Jelasnya, keadaan remang memberikan gambaran keadaan langit yang beransur cerah atau gelap. Di dalam astronomi, peringkat kecerahan langit ini dibahagi kepada tiga jenis bergantung kepada kedudukan altitud matahari di bawah ufuk iaitu remang awam (civil twilight), remang nautical (nautical twilight) dan remang astronomi (astronomical twilight). Jadual 1 menunjukkan jenis remang mengikut kedudukan matahari di bawah ufuk. Jarak zenith adalah jarak di antara kedudukan zenith ke pusat matahari.

Jenis remang	Jarak zenith matahari
Remang awam	90°50' - 96°
Remang nautical	96° - 102°
Remang astronomi	102° - 108°

Jadual 1 - Kedudukan jarak zenith matahari² mengikut jenis remang.

Tempoh yang diambil bagi remang berakhir adalah sangat dipengaruhi oleh kedudukan latitud suatu tempat. Di kawasan yang latitud tinggi seperti di Artik dan Antartik, tempoh remang berlanjutan hingga beberapa jam, sementara kawasan di Khatulistiwa, tempoh remang berlaku sebentar 20 minit. Ini adalah kerana putaran bumi paling laju di khatulistiwa menyebabkan matahari berada di ufuk sangat pantas. Bagi latitud zon sederhana, tempoh remang paling pendek apabila berada di equinoks, lebih panjang sedikit ketika solstis musim sejuk dan paling panjang pada akhir musim bunga dan awal

¹ Remang bermaksud samar-samar merujuk Kamus Dewan.

² Kedudukan jarak zenith bagi remang adalah merujuk kepada 'The Facts on file: Dictionary of Astronomy'.

musim panas. Walau bagaimanapun tempoh berlakunya remang bukanlah menjadi objektif kajian ini dilakukan tetapi ketinggian matahari di bawah ufuk.


3. Objektif kajian

Menjalankan kajian bagi mencari suatu kaedah saintifik dan praktikal dalam menentukan pada ketinggian matahari di bawah ufuk yang manakah boleh ditentukan sebagai berakhirnya senja dan bermulanya fajar.

4. Metodologi

Berdasarkan teori, waktu Isya' akan bermula apabila graf pada rajah 1 yang di plot mula mendatar. Kedudukan tersebut akan dibandingkan dengan kedudukan matahari dari ufuk yang diperolehi daripada perisian MoonC6.0.


- i. Menentukan Waktu Isyak



Rajah 1 : Penentuan Waktu solat Isyak

Berdasarkan rajah 1 di atas, waktu Isya' bermula pada kedudukan A, iaitu apabila graf mula mendatar.

ii. Menentukan Waktu Subuh




Rajah 2 : Penentuan Waktu subuh

Berdasarkan rajah 2 di atas, waktu subuh bermula pada kedudukan A, iaitu apabila graf mula meningkat naik dari keadaan mendatar.

5. Peralatan

Suatu kaedah menggunakan LDR (light dependent resistor) telah diaplikasikan dalam teknik cerapan yang dijalankan. Alat peranti ini dinamakan sebagai Alat pengesan cahaya (APC) yang terdiri daripada beberapa komponen elektronik yang lain iaitu operation amplifier 741, transistor NPN NTE128 atau 2N3035, perintang 470 Ω , 10 Ω dan 1 Ω , dan perintang boleh laras 10 Ω .




Rajah 3 – Rajah skematik bagi LDR (kiri) dan Op-amp 741 (kanan).


LDR adalah peranti elektronik yang berfungsi terhadap perubahan keamatan cahaya. Permukaan LDR adalah permukaan yang sensitif pada cahaya yang mana apabila didedahkan kepada cahaya dengan keamatan tertentu, ianya akan mengurangkan

rintangan pada LDR dan seterusnya arus dibenarkan melaluinya. Oleh itu semakin tinggi keamatan cahaya yang mengenai permukaannya, semakin rendah rintangan LDR dan semakin banyak arus yang mengalir melalui LDR tersebut. Op-amp741 pula adalah peranti yang digunakan untuk menguatkan voltan yang melaluinya. Manakala transistor NPN adalah peranti yang digunakan untuk menukarkan voltan yang dihasilkan oleh op-amp kepada arus.

Terdapat 2 jenis litar digunakan dalam APC iaitu untuk mengukur arus dan mengukur voltan.



Rajah 4 – Gambarajah litar pengukur arus



Rajah 5 – Gambarajah litar pengukur voltan

Rajah 4 menunjukkan litar yang digunakan untuk mengesan perubahan keamatan cahaya. LDR1 mempunyai rintangan yang tinggi tanpa kehadiran cahaya. Apabila cahaya mengenai permukaan LDR rintangan akan berkurangan dan membolehkan arus mengalir melaluinya dan op-amp. Perbezaan voltan diambil kira diop-amp dan nilai keluaran terus ke transistor dan menukarkannya kepada arus. Keluaran dari transistor diukur menggunakan multimeter. Bateri 12 – 15 V diperlukan dalam litar ini bagi menghidupkan op-amp 741.


Selain daripada pengukuran arus, nilai voltan juga boleh digunakan sebagai parameter dalam menentukan perubahan keamatan cahaya yang mengenai permukaan LDR. Oleh kerana transistor dalam litar pengukur arus (rajah 4) berfungsi untuk menukarkan voltan

kepada arus maka litar yang digunakan hanya melibatkan penggunaan op-amp sahaja. Dalam rajah 5 menunjukkan litar yang digunakan bagi pengukuran nilai voltan.


5.1 Alat Pengesan Cahaya (APC)

APC yang direka mempunyai 2 bahagian utama iaitu :

- a) Bahagian A terdiri dari : kotak peka cahaya, penuras cahaya hijau dan *photo resistor (LDR)*.
- b) Bahagian B terdiri dari : kotak litar, bateri 12 V dan multimeter digital.



Rajah 6 – Bahagian A. i: kotak peka cahaya dimana LDR ditempatkan. ii: penuras cahaya hijau yang digunakan dan diletakkan dihadapan kotak peka cahaya. iii: *photo resistor (LDR)*.




Rajah 7 – Bahagian B yang menempatkan litar bagi alat pengesan cahaya.

6. Kaedah pencerapan

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengesan perubahan keamatan cahaya matahari pada waktu remang. Oleh itu pencerapan perlulah dijalankan di kawasan yang tidak ada pencemaran cahaya dan sebaiknya di ufuk matahari terbit dan terbenam bagi mendapatkan keberkesanan yang lebih jitu dan mengurangkan ralat.

Pencerapan telah dijalankan di 2 tempat iaitu di Teluk Kemang, Negeri Sembilan bagi mendapatkan ufuk barat dan di Tanjung Balau, Kota Tinggi Johor bagi mendapatkan ufuk timur. Pencerapan waktu senja dijalankan di Teluk Kemang dari terbenam matahari hingga lebih kurang 15 minit selepas berakhirnya remang astronomi iaitu matahari $> 22^\circ$ di bawah ufuk. Manakala pencerapan waktu fajar dijalankan di Tanjung Balau dari ketiinggian matahari di bawah ufuk $> 20^\circ$ hingga hampir terbit matahari.

Rajah 8 menunjukkan peralatan yang digunakan dalam cerapan.



Rajah 8 – Alat pengesan cahaya yang telah lengkap dipasang.

Tarikh dan Waktu	Merah (V)	Hijau (V)	Biru (V)
27/9/2005 , 12:00	0.679	0.846	0.575
5/10/2005 , 12:00	0.559	0.628	0.426

Jadual 2 – Data pencirian penurasan cahaya


7. Data cerapan dan perbincangan

I – Kajian waktu senja


